

Seorang lagi ditahan polis berhubung kes bunuh Kevin Morais
The Malaysian Insider
Sept 21, 2015

Polis berjaya menahan seorang daripada dua lagi lelaki yang dikehendaki bagi membantu siasatan kes pembunuhan Anthony Kevin Morais, kurang daripada 24 jam selepas maklumat awal mengenai mereka didedahkan.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur Datuk Zainuddin Ahmad berkata lelaki berkenaan, M Vishwanath, 25, yang bekerja sebagai pengawal keselamatan, ditahan di Taman Desa Aman, Padang Serai, Kedah, malam tadi.

Beliau berkata hasil siasatan awal mendapati lelaki berkenaan bagaimanapun tidak mempunyai rekod kesalahan lampau.

Berikutan penahanan terbaru itu menjadikan keseluruhan tahanan untuk kes itu kepada 8 orang, hasil daripada makluman orang awam, menurut Zainuddin dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur hari ini.

Semalam, polis memaklumkan bahawa Vishwanath dan seorang lagi lelaki yang dikehendaki, R Dinishwaran, 22, dicari bagi membantu siasatan terhadap pembunuhan Morais yang merupakan timbalan ketua bahagian bicara dan rayuan di Jabatan Peguam Negara.

Gambar kedua-duanya turut didedahkan semalam.

Mayat Morais, 55, ditemui dalam tong dram berisi konkrit di Persiaran Subang Mewah, Subang Jaya, dekat Kuala Lumpur Rabu lepas.

Mendiang dilaporkan hilang pada 4 September dan kali terakhir dilihat meninggalkan pangsapurinya di Menara Duta di Kuala Lumpur untuk ke pejabatnya di Putrajaya dengan menaiki kereta Proton Perdana nombor pendaftaran WA6264Q. – Bernama, 21 September, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/seorang-lagi-ditahan-polis-berhubung-kes-bunuh-kevin-morais>